

## **Dasar Privasi BlackBerry**

BlackBerry Limited dan syarikat subsidiari dan sekutunya (“BlackBerry”) komited kepada dan mempunyai dasar yang sudah wujud sekian lama untuk mengekalkan privasi dan keselamatan maklumat peribadi anda yang merupakan maklumat mengenai individu yang boleh dikenal pasti (seperti yang ditakrifkan oleh undang-undang privasi atau perlindungan data yang berkuat kuasa).

Dasar Privasi ini menjelaskan amalan BlackBerry berhubung pemprosesan maklumat peribadi anda yang merangkumi pengumpulan, penggunaan, pemprosesan, pemindahan, penyimpanan atau pendedahan maklumat peribadi anda, kecuali apabila sesebuah subsidiari atau sekutu BlackBerry telah mengeluarkan dasar peribadinya sendiri yang berasingan. Di samping itu, perjanjian atau notis yang berkaitan dengan produk, perkhidmatan, perisian atau laman web BlackBerry tertentu (“Tawaran BlackBerry”) mungkin menyediakan maklumat tambahan mengenai pemprosesan maklumat peribadi anda oleh BlackBerry (“Notis”). Penguatkuasaan Dasar Privasi ini tertakluk pada undang-undang yang berkuat kuasa termasuk perundangan, peraturan dan perintah mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang yang lain, permintaan lain yang sah di sisi undang-undang atau proses undang-undang. Di mana berkenaan, pengawal data bagi maklumat peribadi anda ialah entiti BlackBerry yang anda telah memeterai perjanjian dengannya.

### **1. Kebertanggungjawapan BlackBerry**

BlackBerry bertanggungjawab untuk maklumat peribadi di bawah kawalannya, termasuk pemindahan lanjut maklumat peribadi kepada pihak ketiga untuk diproses bagi pihak BlackBerry (iaitu, pembekal perkhidmatannya).

### **2. Tujuan BlackBerry menggunakan maklumat peribadi anda**

Apabila anda menggunakan Tawaran BlackBerry, berhubung dengan BlackBerry, menyertai perakuan yang ditaja oleh BlackBerry atau sebaliknya berinteraksi dengan BlackBerry, BlackBerry boleh memproses maklumat peribadi anda bagi tujuan berikut:

- untuk memahami dan memenuhi keperluan dan keutamaan anda, dan menyediakan Tawaran BlackBerry kepada anda, cth.:
  - bagi tujuan yang berkaitan dengan pengebilan, pengaktifan, penyediaan, penyelenggaraan, sokongan, penyelesaian masalah, penyelesaian pertikaian, penyahaktifan, pembaikan, pengubahsuaian, penggantian atau naik taraf Tawaran BlackBerry;
  - memastikan bahawa Tawaran BlackBerry berfungsi dari segi teknikal seperti yang dihasratkan dan membantu mengenal pasti dan menyelesaikan isu;
  - memenuhi atau menguatkuasakan Notis yang berkenaan dengan sesuatu Tawaran BlackBerry;
  - mengurus atau menjawab pertanyaan anda;
- membangunkan Tawaran BlackBerry yang baharu atau mempertingkat yang sedia ada termasuk berkomunikasi dengan anda mengenainya dengan menggunakan pelbagai kaedah, cth. untuk menyediakannya atau menghantarkannya kepada anda:
  - menaik taraf atau mengemas kini atau memberi notis mengenai naik taraf atau pengemaskinian Tawaran BlackBerry atau kandungan pihak ketiga atau produk, perkhidmatan dan perisian yang berkaitan;

- memberi notis mengenai promosi dan acara yang akan datang;
- mengurus dan membangunkan perniagaan dan operasi kami, cth.:
  - mengesan, memantau, menyiasat, mengurangkan atau cuba mencegah penipuan dan isu teknikal atau keselamatan atau untuk melindungi harta BlackBerry;
  - membolehkan kesinambungan perniagaan dan operasi pemulihan bencana;
  - menguatkuasakan hak undang-undang BlackBerry;
  - bagi tujuan statistik;
- memenuhi keperluan undang-undang dan kawal selia dan memberi respons kepada situasi kecemasan, cth.:
  - bertindak balas terhadap perintah mahkamah, waran atau permintaan atau proses undang-undang lain yang sah di sisi undang-undang;
  - menyediakan bantuan kecemasan dalam situasi yang mungkin mengancam nyawa atau keselamatan fizikal anda atau orang lain; atau
- sebarang tujuan lain yang anda telahersetujui, seperti yang mungkin dibentangkan dalam Notis, dan tujuan lain seperti yang dibenarkan atau diperlukan oleh apa-apa undang-undang yang berkuat kuasa.

### **3. Persetujuan anda**

Sebelum menggunakan Tawaran BlackBerry, anda mungkin dikehendaki bersetuju dengan Notis yang berkaitan yang mungkin mengandungi maklumat tambahan mengenai pemprosesan maklumat peribadi anda oleh BlackBerry. Persetujuan anda mengenai Notis atau penggunaan Tawaran BlackBerry mengisyaratkan persetujuan anda untuk BlackBerry memproses maklumat peribadi anda bagi tujuan BlackBerry yang telah dikenal pasti.

#### **a) Bila memperoleh persetujuan tidak diperlukan**

Dalam keadaan tertentu, maklumat anda boleh diproses tanpa persetujuan anda bergantung pada bidang kuasa dan apa-apa undang-undang yang berkuat kuasa. Contohnya, BlackBerry mungkin tidak mendapatkan persetujuan:

- Sekiranya berlaku kecemasan yang mungkin mengancam nyawa, kesihatan atau keselamatan mana-mana individu;
- apabila sebab-sebab undang-undang, perubahan, atau keselamatan menyebabkan mustahil atau tidak praktikal untuk mendapatkan persetujuan;
- apabila maklumat diperlukan untuk mengesan dan mencegah penipuan;
- apabila pendedahannya adalah kepada peguam yang mewakili BlackBerry;
- untuk memungut hutang;
- untuk mematuhi sepina, waran atau perintah mahkamah lain, permintaan atau proses yang sah di sisi undang-undang; atau
- seperti yang mungkin dikehendaki sebaliknya atau dibenarkan oleh undang-undang.

#### **b) Kanak-kanak**

BlackBerry tidak memproses maklumat peribadi daripada individu yang berusia bawah 13 tahun dengan sengaja tanpa persetujuan ibu bapa atau penjaga mereka yang sah.

#### **c) Maklumat teragregat atau tanpa nama**

BlackBerry berhak untuk memproses, menjual, mendagangkan atau menyewa maklumat teragregat atau tanpa nama yang tidak berkaitan dengan atau berhubung kait dengan individu yang boleh dikenal pasti.

#### 4. Jenis maklumat yang diproses

Jenis maklumat yang BlackBerry mungkin proses berbeza-beza. Contohnya:

- a) **Maklumat akaun dan keahlian:** Maklumat yang diproses boleh merangkumi nama, alamat pos, alamat e-mel, nombor telefon, dan ID BlackBerry anda, di samping maklumat pengenalan peranti seperti PIN BlackBerry anda, maklumat pembekal khidmat masa keudara, komunikasi dengan BlackBerry dan sebarang aduan yang direkodkan. BlackBerry juga boleh memproses kelayakan akaun, kata laluan dan maklumat profil anda serta maklumat lain yang anda beri untuk memudahkan anda menggunakan Tawaran BlackBerry.
- b) **Aplikasi:** Dalam sesetengah keadaan, BlackBerry mungkin memproses maklumat mengenai aplikasi yang digunakan pada peranti anda termasuk Tawaran Pihak Ketiga (iaitu. aplikasi, produk, perkhidmatan, perisian, laman web atau kandungan yang disediakan oleh pihak ketiga, termasuk pembekal masa keudara atau pembangun aplikasi, yang mungkin digunakan seiringan dengan Tawaran BlackBerry, tetapi tidak ditawarkan, dikendalikan atau disokong oleh BlackBerry). Di samping itu, jika anda memilih untuk menggunakan Tawaran Pihak Ketiga dengan akaun atau peranti BlackBerry anda, maklumat tertentu mungkin dikumpulkan dan didedahkan kepada pihak ketiga tersebut, atau daripada pihak ketiga tersebut kepada BlackBerry, dalam usaha memudahkan atau meningkatkan perkhidmatan dan kefungsiannya yang disediakan.
- c) **Data berasaskan awan atau data sandaran:** Jika anda menggunakan perkhidmatan berasaskan awan atau perkhidmatan sandar dan pulih yang disediakan oleh atau bagi pihak BlackBerry, maklumat daripada peranti atau akaun anda termasuk kenalan, alamat e-mel, kalendar, memo, tugas, gambar paparan, mesej status, fail media dan maklumat pada peranti lain mungkin dihantar kepada BlackBerry dalam usaha memudahkan atau meningkatkan penggunaan, capaian jarak jauh dan pemulihan data tersebut pada peranti anda melalui perkhidmatan yang disediakan ini.
- d) **Kuki atau teknologi yang serupa:** Kuki adalah fail teks kecil atau cebisan data yang dimuat turun ke dan disimpan pada komputer atau peranti apabila anda mengunjungi sesebuah laman web. Kuki kemudiannya dihantar balik ke laman web asalnya pada setiap lawatan yang seterusnya, atau ke laman web lain yang mengenali kuki ini. Sebagai sebahagian daripada Tawaran BlackBerry ini, BlackBerry mungkin menggunakan jenis kuki yang berlainan atau teknologi yang serupa ("Kuki") dari semasa ke semasa. Kuki tertentu **diperlukan** untuk membolehkan penggunaan Tawaran BlackBerry oleh anda (seperti apabila anda menggunakan raga/troli membeli-belah) atau untuk melindungi kedua-dua anda dan BlackBerry apabila anda mendaftar masuk ke perkhidmatan tertentu (seperti menyimpan kelayakan anda untuk memudahkan apabila anda mahu menggunakan Tawaran BlackBerry atau untuk mengesahkan bahawa anda telah melog masuk). Kuki lain lebih bersifat berasaskan **prestasi** seperti bagi tujuan analisis atau kontekstual untuk membantu kami memahami bagaimana penggunaannya terlibat dengan Tawaran BlackBerry supaya kami boleh memberi Tawaran BlackBerry yang baharu dan dipertingkat (seperti halaman atau ciri mana yang paling popular). Sesetengah Kuki lebih berkaitan dengan **fungsi** dan membantu memperibadikan pengalaman anda dan menjadikan Tawaran BlackBerry lebih mudah digunakan (seperti keutamaan bahasa atau bidang kuasa anda), atau untuk membantu BlackBerry memaparkan kandungan yang diperibadikan kepada anda. Kuki lain atau teknologi yang serupa mungkin digunakan untuk tujuan **pengiklanan kepada khalayak sasaran** (cth. Tawaran BlackBerry tertentu mungkin disokong oleh hasil pengiklanan dan memaparkan iklan dan promosi yang mungkin disasarkan kepada atribut boleh dikenal pasti yang bukan peribadi atau data agregat yang dikumpulkan oleh BlackBerry, dan BlackBerry atau pembekal perkhidmatan kami boleh meletakkan

iklan seperti ini pada Tawaran BlackBerry). Maklumat yang dipastikan tanpa nama atau teragregat mengenai penggunaan Tawaran BlackBerry mungkin disediakan kepada pembekal perkhidmatan kami dalam bentuk yang tidak mengenal pasti anda secara peribadi, sebagai sebahagian daripada perkhidmatan analisis dan untuk membantu mengurus pengiklanan dalam talian. Kebanyakan pelayar ditetapkan pada awalnya untuk menerima Kuki, tetapi biasanya anda boleh menukar tetapan pelayar anda untuk menolak Kuki atau untuk memberi isyarat apabila Kuki dihantar. Anda lazimnya boleh mengeluarkan atau menyekat Kuki pelayar dengan menggunakan tetapan dalam pelayar anda, tetapi ini mungkin memberi kesan pada keupayaan anda untuk menggunakan Tawaran BlackBerry yang tertentu kerana ia mungkin tidak berfungsi dengan baik atau tidak berfungsi langsung apabila Kuki dilumpuhkan. Memilih untuk meneruskan tanpa melumpuhkan Kuki mengisyaratkan bahawa anda bersetuju BlackBerry menggunakan Kuki menurut Dasar Privasi ini. Sila kunjungi **seksyen di bawah di bawah tajuk “Mengurus keutamaan anda”** untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai mengurus penggunaan Kuki oleh BlackBerry.

- e) **Maklumat kewangan:** Jika anda membeli sesuatu produk, perkhidmatan, perisian atau sokongan pelanggan secara langsung daripada BlackBerry atau pembekal perkhidmatan kami, BlackBerry boleh memproses maklumat kad kredit atau maklumat pembayaran lain dan menggunakannya untuk memudahkan perkhidmatan pengebilan dan kredit dan mengendalikan pemeriksaan kredit, menurut yang berkenaan. Demikian juga, BlackBerry boleh memproses maklumat pembayaran atau maklumat kewangan lain apabila anda menggunakan kefungsiian Komunikasi Medan Berdekatan pada peranti BlackBerry anda.
- f) **Data penggunaan am:** Dalam sesetengah keadaan, maklumat seperti sifat teknikal dan maklumat penggunaan am perisian dan perkakasan yang digunakan secara seiringan dengan Tawaran BlackBerry mungkin diproses apabila anda menggunakan produk, perkhidmatan atau perisian tersebut (cth. jenis pelayar web, laman web rujukan atau keluar, versi sistem operasi, model perkakasan peranti anda atau platform komputer peribadi atau alamat IP), atau apabila anda menggunakan alat penyelesaian masalah BlackBerry (cth. statistik penggunaan asas atau maklumat mengenai peranti anda termasuk log peristiwa, konfigurasi aplikasi, hayat bateri, paras isyarat radio atau Wi-Fi, penetapan semula peranti dan maklumat ingatan atau prestasi sistem).
- g) **Maklumat lokasi:** Apabila anda menggunakan Tawaran BlackBerry, mendayakan perkhidmatan data, menggunakan pelayar atau kefungsiian berasaskan lokasi pada peranti anda, maklumat lokasi yang berkaitan dengan peranti anda (cth. Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) atau maklumat penyegitigaan satelit, ID pembawa atau menara, BSSID (ID Set Perkhidmatan Penyiaran) dan alamat MAC (alamat Kawalan Capaian Media) bagi titik capaian Wi-Fi, dan kekuatan isyarat bagi hotspot Wi-Fi atau menara wayarles yang boleh dilihat) mungkin disampaikan kepada BlackBerry atau pembekal perkhidmatan kami. Jika BlackBerry mengumpulkan dan selanjutnya menyimpan maklumat sebegini, ia akan disimpan dalam bentuk yang tidak mengenal pasti anda secara peribadi (cth. BlackBerry tidak menyelenggara sistem yang akan menghubungkan individu tertentu kepada sesuatu BSSID). BlackBerry mungkin memproses maklumat berkenaan untuk menyediakan atau memudahkan maklumat dan perkhidmatan berasaskan lokasi (cth. perkhidmatan pemetaan, mengukur kesesakan lalu lintas, promosi sensitif lokasi atau kupon). Jika anda memilih untuk menggunakan perkhidmatan berasaskan lokasi, anda bersetuju bahawa maklumat lokasi geografi seperti ini mungkin diproses untuk menyediakan perkhidmatan tersebut kepada anda. Anda boleh mengurus sama ada tetapan keseluruhan bagi GPS atau kefungsiian lokasi atau tetapan individu bagi setiap aplikasi, melalui tetapan pada peranti anda. Jika anda memilih untuk menggunakan perkhidmatan berasaskan lokasi atau aplikasi lain untuk mendedahkan lokasi anda kepada orang atau entiti lain, anda memikul tanggungjawab dan risiko yang terlibat dalam melakukan sedemikian, dan menjadi tanggungjawab anda untuk menggunakannya dengan sewajarnya dan berlandaskan undang-undang yang berkuat kuasa. Jika anda menggunakan Tawaran Pihak Ketiga yang menyediakan perkhidmatan berasaskan lokasi, tolong semak terma dan syarat serta dasar

privasi pihak ketiga tersebut berhubung maklumat lokasi dan peribadi anda yang akan diproses, dan bagaimana caranya untuk memilih untuk keluar daripada perkhidmatan berasaskan lokasi ini dan pengiklanan yang disediakan oleh pihak ketiga ini.

- h) **Jaminan kualiti dan perkhidmatan pelanggan:** Panggilan telefon perkhidmatan pelanggan anda dengan BlackBerry dan pembekal perkhidmatan BlackBerry mungkin dirakam atau dipantau bagi tujuan jaminan kualiti dan perkhidmatan pelanggan seperti untuk membantu menangani pertanyaan anda, menyelesaikan masalah, latihan dan analisis untuk mengenal pasti trend dan membuat penambahbaikan kepada Tawaran BlackBerry.
- i) **Maklumat pihak ketiga:** Jika perlu untuk memenuhi tujuan yang dikenal pasti oleh BlackBerry, BlackBerry boleh menggabungkan maklumat yang anda serahkan kepada BlackBerry dengan maklumat yang diperolehi daripada sumber lain atau Tawaran Pihak Ketiga. Contohnya, BlackBerry mungkin menerima maklumat peribadi mengenai anda daripada pihak ketiga yang terlibat dalam menyediakan produk, perkhidmatan dan perisian kepada anda serta laman web yang anda sedang gunakan, seperti daripada pembekal perkhidmatan masa keudara untuk menyediakan perkhidmatan wayarles yang anda gunakan atau dalam sesetengah keadaan daripada vendor Tawaran Pihak ketiga berhubung aplikasi yang digunakan pada peranti anda. BlackBerry mengendalikan semua maklumat peribadi sebegini berlandaskan Dasar Privasi ini, dan jika ada terma dan syarat antara BlackBerry dengan pihak ketiga berkenaan, terma dan syarat ini juga mungkin digunakan. Walau bagaimanapun, maklumat peribadi anda yang digunakan sendiri oleh pihak ketiga dalam keadaan ini akan ditentukan oleh perjanjian(-perjanjian) anda dengan pihak ketiga berkenaan, kecuali pihak ketiga tersebut adalah pembekal perkhidmatan BlackBerry.

Sesetengah maklumat ini tidak akan dengan sendirinya mengenal pasti anda kepada BlackBerry atau boleh dikenal pasti secara peribadi dan dengan itu disifatkan sebagai maklumat bukan peribadi. Jika BlackBerry menggabungkan mana-mana maklumat bukan peribadi seperti ini dengan maklumat peribadi lain yang disediakan kepada BlackBerry, maklumat yang digabungkan ini akan disifatkan sebagai maklumat peribadi berlandaskan Dasar Privasi ini.

## 5. Pemprosesan maklumat peribadi anda oleh BlackBerry

### a) Penyimpanan

BlackBerry menyimpan maklumat peribadi selama yang perlu bagi memenuhi tujuan yang dikenal pasti oleh BlackBerry atau seperti yang sebaliknya diperlukan untuk mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa. Apabila maklumat peribadi tidak lagi perlu atau relevan bagi tujuan yang dikenal pasti oleh BlackBerry ini, atau tidak lagi diperlukan oleh undang-undang yang berkuat kuasa, BlackBerry akan mengambil langkah untuk memastikan ia dihapuskan, dimusnahkan, dipadam, diagregat atau dipastikan tanpa nama. Selaras dengan amalan perniagaan yang baik, BlackBerry terus mengembangkan kawalan, jadual dan amalan penyimpanan dan pemusnahan maklumat dan rekod kami yang diterima pakai bagi maklumat peribadi anda.

### b) Operasi antarabangsa dan pemindahan lanjut

BlackBerry hadir di peringkat antarabangsa, dengan pejabat dan kemudahan di berbilang bidang kuasa. Kecuali dalam keadaan sesebuah subsidiari atau sekutu BlackBerry mempunyai dasar privasinya yang berasingan, semua operasi antarabangsa BlackBerry dan pemindahan lanjut tertakluk pada Dasar Privasi ini.

Anda bersetuju bahawa, supaya kami dapat memberi khidmat yang lebih baik kepada anda dan menyediakan penggunaan atau kefungisian Tawaran BlackBerry kepada anda, maklumat peribadi anda

mungkin dikumpulkan, digunakan, diproses, dipindahkan atau disimpan oleh atau bagi pihak BlackBerry di berbilang bidang kuasa termasuk Kanada, Amerika Syarikat, Kawasan Ekonomi Eropah, Singapura dan mana-mana negara lain di mana BlackBerry atau pembekal perkhidmatan kami mempunyai pejabat atau kemudahan di situ, termasuk negara yang mungkin di luar wilayah lokasi anda dan mungkin mempunyai perundangan privasi dan perlindungan data yang berbeza, dan dengan itu mungkin tertakluk pada undang-undang di negara-negara ini. Jika anda pemastautin Kawasan Ekonomi Eropah atau negara yang mengehendkan pemindahan data ke luar bidang kuasa atau wilayah ini tanpa persetujuan anda, anda bersetuju untuk maklumat peribadi anda dipindahkan ke luar Kawasan Ekonomi Eropah atau negara anda bagi tujuan pemprosesan atau penyimpanan oleh atau bagi pihak BlackBerry.

Memandangkan perniagaan kami yang bersifat antarabangsa, BlackBerry juga mungkin perlu mendedahkan atau sebaliknya memberi capaian kepada data komunikasi anda, termasuk kandungan komunikasi anda, serta maklumat lain di bawah undang-undang di negara di tempat lokasi BlackBerry, pembekal perkhidmatan kami, sekutu kami dan data. Dengan menggunakan Tawaran BlackBerry, anda bersetuju supaya kami mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa termasuk sebarang proses undang-undang yang BlackBerry yakini memerlukan kami mengeluarkan atau menyediakan capaian kepada data komunikasi anda dan maklumat lain.

#### **c) Komunikasi pemasaran daripada BlackBerry**

BlackBerry mungkin berkomunikasi dengan anda melalui pelbagai kaedah, seperti dengan menggunakan alamat(-alamat) e-mel yang anda kaitkan dengan peranti BlackBerry anda atau pengenalan peranti unik anda (cth. PIN). BlackBerry mungkin menyampaikan maklumat, tinjauan, bahan pemasaran, iklan atau kandungan yang tersuai yang telah diperibadikan dalam usaha untuk memastikan ia lebih relevan kepada anda sebagai sebahagian daripada perhubungan urus niaga anda yang sedia ada dengan BlackBerry. Contohnya, kami mungkin melakukannya dalam keadaan anda belum berhenti daripada melanggan komunikasi seperti ini dan ia dibenarkan oleh undang-undang, di mana anda telah bersetuju secara jelas untuk menerima komunikasi seperti ini, di mana anda menggunakan perkhidmatan percuma, yang bergantung pada pengiklanan (termasuk pengiklanan kepada khalayak sasaran berdasarkan maklumat profil), atau melalui penggunaan data teragregat atau data yang telah dipastikan tanpa nama. BlackBerry mungkin bertanya anda dari semasa ke semasa, sama ada anda mahu menerima pengumuman, berita, tawaran atau undangan acara tambahan mengenai BlackBerry dan Tawaran BlackBerry daripada BlackBerry atau pihak ketiga terpilih yang diberi kuasa oleh BlackBerry. Anda juga boleh memilih untuk menyediakan maklumat kepada BlackBerry sebagai respons kepada pelbagai promosi BlackBerry. Jika anda bersetuju untuk menyertai peraduan, tinjauan, pemberian hadiah istimewa, ulasan, atau promosi lain yang ditaja oleh BlackBerry atau penaja bersamanya, sila pastikan yang anda membaca Notis yang mungkin berkaitan dengan inisiatif-inisiatif ini demi mendapatkan butir-butir lanjut mengenai bagaimana maklumat peribadi anda akan diurus. Lazimnya, mekanisme yang tidak dihentikan langganannya dimasukkan dalam setiap komunikasi pemasaran atau komersil BlackBerry. Sila kunjungi **seksyen di bawah tajuk “Mengurus keutamaan anda”** untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai mengurus komunikasi pemasaran atau komersil daripada BlackBerry.

#### **d) Komunikasi berkaitan perkhidmatan daripada BlackBerry**

BlackBerry juga mungkin menghantar kepada anda komunikasi berkaitan perkhidmatan tertentu. Contohnya, BlackBerry mungkin menghantar e-mel atau mesej alu-aluan apabila anda mula-mula mendaftar peranti anda untuk memaklumkan anda mengenai perkhidmatan ini dan termannya, untuk memaklumkan anda mengenai perubahan-perubahan penting, untuk memberitahu anda bagaimana caranya untuk mengurus kelayakan atau akaun anda, untuk menyediakan pemberitahuan atau maklumat

mengenai infrastruktur perkhidmatan atau maklumat mengenai naik taraf atau kemas kini, untuk menyediakan maklumat waranti, maklumat penarikan balik produk, maklumat keselamatan atau kawalan keselamatan, atau untuk tinjauan pengguna semasa atau bekas pengguna. Oleh kerana komunikasi berkaitan perkhidmatan seperti ini penting untuk penggunaan Tawaran BlackBerry anda, anda tidak boleh memilih untuk tidak menerima komunikasi ini.

#### **e) Perkongsian maklumat**

Menurut Dasar Privasi ini, BlackBerry boleh berkongsi maklumat peribadi anda dalam lingkungan BlackBerry atau dengan pembekal perkhidmatannya. BlackBerry juga mungkin berkongsi maklumat dengan penasihat kewangan, insurans, undang-undang, perakaunan atau penasihat kami yang lain yang menyediakan khidmat profesional kepada BlackBerry. BlackBerry juga boleh berkongsi maklumat dalam cara yang konsisten dengan Dasar Privasi ini dengan pihak ketiga yang terlibat dalam menyediakan Tawaran BlackBerry kepada anda, termasuk pembekal perkhidmatan masa keudara, penjual semula yang sah, pengedar, saudagar rekod atau pemproses pembayaran, subkontraktor atau entiti yang menyertai rantaian bekalan dan pembaikan BlackBerry.

Dalam keadaan tertentu, di mana anda membeli atau menggunakan Tawaran Pihak Ketiga (cth. perkhidmatan langganan kandungan berbayar, aplikasi yang dimuat turun), BlackBerry boleh berkongsi maklumat tertentu dengan pihak ketiga bagi tujuan menyediakan kepada anda produk, perkhidmatan atau perisian dan maklumat anda akan kemudiannya tertakluk pada dasar privasi pihak ketiga. Kami menggalakkan supaya semua pengguna kami belajar mengenai amalan privasi pihak ketiga seperti ini sebelum bersetuju untuk membeli atau memperoleh produk, perkhidmatan atau perisian mereka.

BlackBerry menggunakan kaedah kontraktual atau kaedah lain untuk menyediakan paras perlindungan yang setara sementara maklumat sedang diproses oleh pembekal perkhidmatan kami. BlackBerry mengamalkan dasar yang menghendaki ia menyertai obligasi kerahsiaan dengan mana-mana pihak ketiga yang memperoleh maklumat sulit termasuk maklumat peribadi daripada BlackBerry. Contohnya, melainkan dalam keadaan BlackBerry dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang untuk mendedahkan maklumat peribadi, pembekal perkhidmatan kami yang maklumat peribadi anda telah diberi kepada mereka, lazimnya bersetuju untuk memastikan maklumat ini disimpan secara sulit dan hanya menggunakan maklumat ini bagi tujuan yang telah diperuntukkan baginya atau untuk mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa.

Sekiranya sebahagian daripada aset BlackBerry dijual, BlackBerry mungkin memberi maklumat peribadi kepada pembeli pihak ketiga ini.

BlackBerry boleh menggunakan pihak ketiga (cth. rangkaian pengiklanan) untuk meletakkan sasaran iklannya pada atribut yang tidak boleh dikenal pasti secara peribadi atau data teragregat yang diperoleh daripada data profil yang diproses oleh BlackBerry, dan memberi pihak ketiga berkenaan statistik am berhubung pengiklanan yang telah dihantar. Sila kunjungi seksyen di bawah tajuk **“Mengurus keutamaan anda”** untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai mengurus komunikasi pemasaran atau komersil daripada BlackBerry.

#### **f) Tawaran Pihak Ketiga**

BlackBerry tidak memiliki atau mengendalikan semua aplikasi atau perkhidmatan yang anda muat turun dan guna pada peranti anda atau melalui Tawaran BlackBerry yang lain. Apabila anda memuat turun atau

menggunakan Tawaran Pihak Ketiga, maklumat peribadi daripada peranti anda atau Tawaran BlackBerry yang lain mungkin dicapai oleh pihak ketiga berkenaan. Contohnya, Tawaran Pihak Ketiga mungkin mencapai data pada peranti seperti kenalan, entri kalendar, e-mel, maklumat berasaskan lokasi, atau ia mungkin mencapai atau berkongsi fail atau data yang disimpan pada peranti (termasuk dengan Tawaran Pihak Ketiga tambahan). Anda seharusnya menyemak dasar privasi dan sebarang perjanjian dengan pihak ketiga berkenaan, untuk memahami bagaimana maklumat peribadi anda akan dikendalikan oleh entiti-entiti tersebut, memandangkan BlackBerry tidak bertanggungjawab ke atas urusan anda dengan pihak ketiga atau aplikasi, produk, perkhidmatan atau perisian mereka. BlackBerry tidak mengawal secara langsung bagaimana pihak ketiga ini memproses apa-apa maklumat peribadi yang mereka kumpul berhubung Tawaran Pihak Ketiga yang anda guna.

Dalam sesetengah keadaan, anda boleh melaraskan keizinan yang diberi kepada Tawaran Pihak Ketiga. Anda hendaklah menyemak keizinan ini dari semasa ke semasa termasuk kebenaran lalai, serta menu Pilihan atau Tetapan pada peranti anda, untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kawalan keselamatannya dan kawalan lain yang tersedia.

## **6. Ketepatan maklumat peribadi anda**

BlackBerry mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan yang maklumat peribadi adalah tepat, lengkap dan terkini, dengan secukupnya. BlackBerry juga bergantung pada anda untuk mengemas kini atau membetulkan maklumat peribadi anda bila perlu.

## **7. Mengawal keselamatan maklumat peribadi anda**

BlackBerry terus mengembangkan langkah fizikal, organisasi dan teknologi yang digunakan untuk melindungi maklumat peribadi anda daripada hilang atau kecurian, capaian yang tidak sah, pindaan atau pendedahan mengikut tahap kesensitifannya. Contohnya, jika laman web BlackBerry meminta nama dan kata laluan anda, ia akan mempunyai pelbagai langkah keselamatan yang telah diterapkan yang direka untuk melindunginya daripada hilang, salah guna dan pindaan yang tidak sah kepada maklumat peribadi yang diserahkan kepada BlackBerry. Melalui *Piawaian dan Prinsip Tataniaga* BlackBerry, kakitangan BlackBerry mendapat kesedaran mengenai betapa pentingnya pengendalian maklumat peribadi yang sewajarnya dan selamat, menyimpannya di lokasi dan dalam sistem yang selamat, dan mengehendkan capaian kepada maklumat peribadi kepada mereka yang memerlukan pengetahuannya bagi tujuan urusan sahaja.

Di samping itu, sistem dan proses BlackBerry yang tertentu diperakui oleh pihak luar secara tetap (cth. perakuan piawaian *ISO/IEC 27001:2005 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat*).

### **a) Obligasi anda untuk mengawal keselamatan maklumat peribadi anda**

Anda juga mempunyai obligasi untuk mengawal keselamatan maklumat peribadi anda. Anda boleh mengurangkan risiko capaian tanpa kebenaran kepada maklumat peribadi anda dengan menggunakan amalan kawalan keselamatan yang berlandaskan akal. Contohnya, anda bertanggungjawab untuk menggunakan langkah keselamatan yang sewajarnya untuk mengawal capaian ke peranti dan sistem komputer anda, seperti membuat kata laluan yang teguh yang tidak boleh diteka dengan mudah oleh orang lain (cth. dengan memasukkan tanda bacaan, huruf besar dan kecil, dan memilih kata laluan dengan panjang yang bersesuaian yang tidak termasuk nama atau nama akaun anda), menggunakan kata laluan yang berlainan bagi perkhidmatan yang berbeza dan menggunakan perisian antivirus yang terkini.



Seperti yang dinyatakan di atas, anda boleh melaraskan keizinan yang diberi kepada Tawaran Pihak Ketiga. Anda hendaklah menyemak keizinan ini dari semasa ke semasa termasuk kebenaran lalai, serta menu Pilihan atau Tetapan pada peranti anda, untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kawalan keselamatannya dan kawalan lain yang tersedia.

Jika anda memulangkan, menjual, membuang, atau memindahkan peranti anda atau produk BlackBerry lain kepada orang atau entiti lain (seperti memberi peranti anda kepada BlackBerry atau entiti lain untuk dibaiki, diubah suai atau diganti), anda hendaklah memastikan bahawa peranti tersebut dan sebarang aksesori dan persisian yang berkaitan dialih keluar atau dibersihkan dengan selamat daripada sebarang maklumat peribadi tau data sensitif lain yang mungkin ia kandung (cth. kad SIM, kad mikroSD). Anda juga seharusnya memutuskan keterhubungkitaan peranti anda dengan semua akaun e-mel dan perkhidmatan data lain supaya e-mel dan data berkenaan tidak lagi dihalakan ke peranti tersebut (cth, khidmat tekan, e-mel yang dihantar melalui Perkhidmatan Internet BlackBerry, sandaran jarak jauh). Sekiranya tidak, maklumat peribadi anda mungkin tersedia kepada pengguna peranti tersebut yang seterusnya, dan anda mungkin dikenakan caj langganan dan data rangkaian. Anda boleh mengetahui lebih lanjut mengenai cara mengambil langkah untuk melindungi diri anda melalui menu Pilihan atau Tetapan pada peranti anda, mencari rencana sokongan dalam talian di [www.blackberry.com](http://www.blackberry.com), atau dengan menghubungi pembekal perkhidmatan keudara anda.

## **8. Usaha BlackBerry agar telus**

BlackBerry terus menyediakan maklumat untuk membantu pengguna kami memahami pemprosesan maklumat peribadi oleh BlackBerry dan cara membuat pilihan berhubung penggunaan maklumat peribadi anda melalui pelbagai saluran termasuk Dasar Privasi, Notis yang berkenaan dan maklumat tambahan yang mungkin tersedia dari semasa ke semasa di pelbagai laman web BlackBerry atau pada peranti anda.

## **9. Anda boleh mencapai maklumat peribadi anda**

Setelah membuat permohonan secara bertulis, BlackBerry akan memaklumkan anda sama ada dia memegang maklumat peribadi anda atau tidak, dan memberi anda capaian kepada maklumat anda dalam rangka masa yang munasabah pada kos yang minimum atau tanpa kos menurut undang-undang yang berkuat kuasa. Jika anda mengenal pasti ketidaktepatan atau ketidaklengkapan maklumat peribadi anda, BlackBerry akan meminda maklumat anda dan memaklumkan mana-mana pihak ketiga seperti yang dikehendaki oleh undang-undang yang berkuat kuasa.

Dalam situasi yang tertentu dan bergantung pada undang-undang yang berkuat kuasa, BlackBerry mungkin tidak dapat memberi capaian kepada semua maklumat peribadi yang ia pegang kepada anda. Misalnya, BlackBerry mungkin tidak menyediakan capaian kepada maklumat jika melakukannya:

- berkemungkinan mendedahkan maklumat peribadi mengenai pihak ketiga;
- boleh dijangka secara munasabah akan mengancam nyawa atau keselamatan individu lain;
- akan mendedahkan maklumat sulit BlackBerry atau pihak ketiga;
- merangkumi maklumat yang dilindungi oleh peguam atau keistimewaan peguam dengan klien; atau
- merangkumi maklumat yang diproses berhubung dengan penyiasatan pelanggaran sesebuah perjanjian atau sesuatu undang-undang.

Dalam usaha mengawal keselamatan maklumat peribadi anda daripada capaian tanpa izin, BlackBerry mungkin meminta anda memberi maklumat yang secukupnya untuk mengenal pasti diri anda sebelum memberi capaian kepada maklumat peribadi anda.

Bergantung pada keadaan dan undang-undang yang berkuat kuasa, BlackBerry mungkin enggan memproses permintaan capaian tertentu (cth. permintaan untuk capaian yang secara tidak munasabah berulang-ulang dan sistematik, adalah sangat tidak praktikal atau memerlukan usaha teknikal yang secara perbandingan terlalu besar).

#### **10. Soalan atau kemusykilan? Cara menghubungi kami**

BlackBerry mengalu-alukan soalan atau komen anda berhubung Dasar Privasi ini dan cara kami memproses maklumat peribadi anda. Jika anda ada sebarang soalan, kemusykilan atau ingin meminta capaian kepada maklumat peribadi anda berlandaskan undang-undang privasi atau perlindungan data yang berkuat kuasa, sila hubungi BlackBerry sama ada melalui e-mel atau secara bertulis dan kami akan berusaha setakat yang munasabah dari segi komersil untuk menjawab:

- melalui e-mel: [privacyoffice@blackberry.com](mailto:privacyoffice@blackberry.com), atau
- hantarkan surat kepada pejabat BlackBerry yang terdekat dengan anda:
  - ***BlackBerry Privacy Office c/o BlackBerry (attention Legal Department), 2200 University Avenue East, Waterloo, Ontario, Canada N2K 0A7***
  - ***BlackBerry Privacy Office c/o BlackBerry (attention Legal Department), 200 Bath Road, Slough, Berkshire, United Kingdom SL1 3XE***
  - ***BlackBerry Privacy Office c/o BlackBerry (attention Legal Department), 1 International Business Park, The Synergy Building, 2nd Floor, Singapore 609917***

#### **a) Mengurus keutamaan anda**

Secara am, anda boleh menarik balik pada bila-bila masa persetujuan yang anda beri untuk BlackBerry memproses maklumat peribadi anda berlandaskan Dasar Privasi ini, tertakluk pada sekatan undang-undang dan notis yang munasabah. Contohnya, meskipun anda boleh menggunakan Tawaran BlackBerry bagi sesetengah tujuan tanpa memberi kami sebarang maklumat peribadi, BlackBerry mungkin perlu memproses maklumat peribadi bagi sesetengah perkhidmatan, termasuk yang memerlukan pembayaran atau yang melibatkan perhubungan berterusan seperti pendaftaran atau perkhidmatan langganan. Dengan yang demikian, BlackBerry mungkin terus menggunakan maklumat peribadi anda seperti yang mungkin diperlukan untuk memberi anda khidmat yang diminta, dan setakat yang BlackBerry mempunyai obligasi dari segi kontraktual untuk melakukan sedemikian atau seperti yang diperlukan untuk menguatkuasakan sebarang obligasi kontraktual yang anda mungkin ada dengan BlackBerry. Jika anda enggan memberi maklumat yang diperlukan oleh BlackBerry atau kemudian menghubungi kami secara bertulis di salah satu alamat di atas untuk menarik balik persetujuan anda untuk menggunakan dan mendedahkan maklumat ini, BlackBerry mungkin tidak lagi dapat menyediakan Tawaran BlackBerry kepada anda.

**Komunikasi pemasaran atau komersil:** Anda boleh berhenti melanggan komunikasi pemasaran atau komersil mengenai BlackBerry atau produk, perkhidmatan dan perisian BlackBerry® dengan:

- mengklik pautan berhenti melanggan di akhir sebarang komunikasi pemasaran atau komersil daripada BlackBerry;
- dengan mengisytiharkan keutamaan anda di [www.blackberry.com/unsubscribe](http://www.blackberry.com/unsubscribe); atau

- dengan menulis kepada **BlackBerry Privacy Office c/o BlackBerry (attention Legal Department), 2200 University Avenue East, Waterloo, Ontario, Canada N2K 0A7** dan memaklumkan jenis komunikasi pemasaran atau komersil khusus mana yang anda tidak lagi mahu terima.

**Kuki:** Seperti yang dinyatakan di atas, anda boleh memilih untuk menolak penggunaan Kuki oleh BlackBerry melalui satu daripada kaedah berikut:

- Menukar tetapan pelayar anda untuk menolak Kuki atau mengisyaratkan bila Kuki dihantar.
- Mengeluarkan atau menyekat Kuki pelayar dengan menggunakan tetapan dalam pelayar anda, tetapi ini mungkin memberi kesan pada keupayaan anda untuk menggunakan Tawaran BlackBerry yang tertentu kerana ia mungkin tidak berfungsi dengan baik atau tidak berfungsi langsung apabila Kuki dilumpuhkan.
- Memilih untuk keluar secara langsung daripada **pelaksanaan** Kuki tertentu di <http://metrics.blackberry.com/optout.html>.

#### **b) Perubahan pada Dasar Privasi**

BlackBerry mungkin kadangkala mengemas kini Dasar Privasi ini supaya ia kekal relevan dan mengikut perkembangan terkini teknologi serta perubahan undang-undang yang berkuat kuasa, amalan perniagaan kami yang berkembang serta keperluan para pengguna kami. BlackBerry menggalakkan anda supaya menyemak semula Dasar Privasi ini secara berkala agar anda sentiasa termaklum mengenai cara BlackBerry mengurus maklumat peribadi anda. Jika sebarang perubahan dibuat kepada Dasar Privasi ini, BlackBerry akan memperbaharui tarikh “Terakhir Dikemas Kini” yang ditandakan pada Dasar Privasi ini.

Jika perubahan yang dibuat adalah ketara, yang memberi kesan kepada anda, kami akan memaklumkan pengguna dengan meletakkan notis yang ketara di [www.blackberry.com/legal](http://www.blackberry.com/legal). Bergantung pada keadaan, kami juga mungkin memutuskan untuk menghantar notis secara elektronik kepada para pengguna. Jika anda terus menggunakan Tawaran BlackBerry anda selepas notis perubahan telah diberi, anda akan disifatkan sebagai telah menerima perubahan tersebut.

Terakhir Dikemas Kini 2014-09